

Kombinasi Pentafsiran dan Penterjemahan dalam *Tarjuman Al-Mustafid*

Nurul Wardah Nazifah Razali (Corresponding author)
wardatunnazifatun@yahoo.com

*Pusat Rantau Timur Tengah dan Nusantara, Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia*

Suhaila Zailani @ Hj. Ahmad
suzail@ukm.edu.my

*Pusat Rantau Timur Tengah dan Nusantara, Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia*

Salmah Ahmad
salni@ukm.edu.my

*Pusat Rantau Timur Tengah dan Nusantara, Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia*

Maheram Ahmad
maheram@ukm.edu.my

*Pusat Rantau Timur Tengah dan Nusantara, Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia*

Abstrak

Pada abad ke-17, muncul ramai tokoh Nusantara di Alam Melayu yang bukan sahaja giat berdakwah malah juga aktif dalam menghasilkan karya penulisan. Antara tokoh tersebut ialah Syeikh Abdul Rauf al-Singkili. Terdapat beberapa kajian lepas dijalankan terhadap *Tarjuman al-Mustafid*, karya Syeikh Abdul Rauf al-Singkili dan terdapat perbezaan serta persamaan pada hasil kajian daripada tiga kajian lepas yang dirujuk. Bertitik tolak daripada perbezaan dan persamaan hasil kajian tersebut, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti kaedah terjemahan yang digunakan dalam *Tarjuman al-Mustafid* dan menentukan sama ada karya ini adalah karya tafsiran atau terjemahan. Kajian ini adalah bersifat kualitatif dan menggunakan *Tarjuman al-Mustafid* sebagai korpus kajian Kaedah analisis kandungan digunakan dalam mengumpulkan data. Data-data tersebut dianalisis secara komparatif dan deskriptif. Kajian mendapati bahawa terjemahan *Tarjuman al-Mustafid* bersesuaian dengan beberapa kaedah terjemahan iaitu kaedah terjemahan harfiah dan semantik. Selain itu, *Tarjuman al-Mustafid* adalah karya kombinasi pentafsiran dan penterjemahan yang dihasilkan dengan merujuk beberapa buah kitab tafsir.

Kata Kunci: *Tarjuman al-Mustafid, karya tafsir, kaedah terjemahan*

PENGENALAN

Pada abad ke-17, ramai masyarakat di alam Melayu yang mula celik huruf dan mempelajari tentang agama Islam. Pelbagai kegiatan telah dijalankan di alam Melayu dalam usaha menyebarkan dakwah selari dengan tuntutan masyarakat untuk mempelajari tentang agama Islam. Maka telah muncul beberapa orang tokoh yang bukan sahaja giat berdakwah malah juga aktif dalam menyumbang dalam bidang penulisan. Antara tokoh-tokoh tersebut ialah Syeikh Hamzah al-Fansuri, Syeikh Shamsuddin al-Sumatra'i, Syeikh Nuruddin al-Raniri dan Syeikh Abdul Rauf al-Singkili.

Syeikh Abdul Rauf al-Singkili merupakan ulama Nusantara yang aktif pada abad ke-17. Beliau telah menghasilkan banyak karya dalam pelbagai disiplin ilmu. Disamping karya terjemahan, beliau turut menghasilkan karya asli yang juga mengandungi terjemahan seperti karya beliau yang berjudul '*Umdat al-Muhtajin ila Suluk Maslak al-Mufridin* (t.th.)'. Antara karya terjemahan yang dihasilkan beliau pula ialah *Tarjuman al-Mustafid* (1951). Kedua-dua karya

tersebut dihasilkan pada abad ke-17 (Mohd Syukri et al., 2015; Zulkifli & Wan Nasyrudin, 2005).

Tarjuman al-Mustafid merupakan karya tafsir Melayu yang pertama di alam Melayu dihasilkan oleh Syeikh Abdul Rauf al-Singkili pada abad ke-17. Riddell (2001) dan Salman (1988) berpendapat bahawa *Tarjuman al-Mustafid* merupakan terjemahan kepada *Tafsir al-Jalalayn*. Manakala dalam artikel Zulkifli dan Wan Nasyrudin (2005) pula dinyatakan tentang pendapat yang dikemukakan oleh tiga orang sarjana barat mengenai *Tarjuman al-Mustafid*. Snouck Hurgronje berpendapat bahawa *Tarjuman al-Mustafid* merupakan terjemahan kepada *Tafsir al-Baydawi*. Perkara yang sama juga dinyatakan oleh dua orang lagi sarjana dari Belanda iaitu Rinkes (1909) yang merupakan murid Snouck Hurgronje dan juga Voorhoeve (1986).

Menurut Riddell (1984), karya ini diterjemah secara harfiah. Namun Wan Nasyrudin, Mohd Syukri & Achyar (2014) berpendapat, ia tidak diterjemah secara harfiah, bahkan secara ayat demi ayat dan intertekstualiti. Menurut Ervan (2007) pula karya ini merupakan satu karya tafsir yang menggabungkan pentafsiran dan penterjemahan al-Quran.

Bertitik tolak daripada kajian-kajian tersebut, kajian ini membahaskan secara kualitatif dengan melakukan analisis kandungan terhadap korpus kajian *Tarjuman al-Mustafid* untuk menganalisis kaedah terjemahan yang digunakan. Data dianalisis secara deskriptif untuk mendapatkan maklumat berkaitan *Tarjuman al-Mustafid* serta penulis karya tersebut. Melalui metode komparatif pula, kajian membandingkan tiga kajian lepas berkaitan *Tarjuman al-Mustafid* untuk mengenal pasti perbezaan dan persamaan hasil kajian yang terdapat antara tiga kajian tersebut. Di samping itu, metode komparatif juga digunakan untuk mengenal pasti kaedah terjemahan yang digunakan serta dalam menentukan sama ada karya *Tarjuman al-Mustafid* ialah karya tafsiran atau terjemahan. Melalui metode tersebut, kajian membandingkan teks sumber iaitu ayat al-Quran dengan teks terjemahan dalam *Tarjuman al-Mustafid* (1951) serta dua lagi teks tafsiran iaitu *Tafsir al-Jalalayn* (1999) dan *Tafsir al-Baydawi* (2003).

BIOGRAFI SYEIKH ABDUL RAUF AL-SINGKILI DAN SUMBANGAN

Nama lengkap beliau ialah Syeikh Abdul Rauf bin Ali al-Fansuri al-Singkili al-Ashi al-Jawi. Beliau mendapat gelaran lain seperti Aminuddin, Maulana, Syeikh, *al-Imam al-^cArif*, Fakir, Tengku Syeikh Kuala (Syiah Kuala) atau Syeikh di Kuala. Antara nama keluarga dan nisbah yang digunakan beliau ialah al-Fansuri, al-Singkili, al-Jawi dan al-Ashi. Makam beliau terletak di Kuala Krueng Aceh, Banda Aceh. Beliau berasal dari desa Barus, wilayah Singkil dan berketurunan Batak dari marga Limbong (Mohd Syukri et al., 2015).

Keluarga Syeikh Abdul Rauf al-Fansuri berasal dari Persia atau Arabia yang datang menetap pada akhir abad ke-13 di Singkil, Aceh. Pada mulanya, beliau mendapat pendidikan awal daripada bapanya sendiri yang memiliki pusat pendidikan agama Islam di Simpang Kanan (Dicky, 2013). Kemudian, beliau berguru dengan Syeikh Hamzah al-Fansuri yang telah tertarik dengan kepintaran penguasaan beliau dalam bidang ilmu yang pelbagai. Setelah itu, beliau mendapat pendidikan daripada Syeikh Shamsuddin al-Sumatrani, seorang mufti yang dikenali sebagai *Qadi al-Malik al-'Adil* di Geudong Samudera – Pasai (Mohd Syukri et al., 2009). Lebih kurang pada tahun 1642M beliau mengembara menuntut ilmu di beberapa tempat di Timur Tengah seperti Doha, Yaman, Jeddah dan akhirnya di Mekah dan Madinah selama 19 tahun (Dicky, 2013). Beliau telah menuntut dengan 19 orang guru dan juga menjalinkan hubungan keilmuan dengan 29 orang ulama (Mohd Syukri et al., 2009).

Setelah pengajian beliau di Timur Tengah selesai, beliau pulang ke tempat kelahiran beliau dan menyebarkan Islam di pusat pendidikan agama Islam milik al-marhum ayahnya. Beliau juga dilantik sebagai *Qadi al-Malik al-'Adil* (mufti) oleh Sultanah Safiatuddin sekitar tahun 1661-1662 Masihi. Beliau memegang jawatan tersebut sehingga beliau meninggal dunia selama empat era pemerintahan iaitu bermula dengan pemerintahan Sultanah Taj al-Alam Safiatuddin Syah (1641-1675M), pemerintahan Nur al-Alam Nakiyatuddin Syah (1675-

1678M), Inayat Syah Zakiyatuddin Syah (1678-1688M) dan era pemerintahan Kamalat Syah (1688-1699M) (Mohd Syukri et al. 2009). Syeikh Abdul Rauf al-Singkili meninggal pada tahun 1693M dan Makam beliau terletak di pondok pengajian (*zawiyah*) Syeikh Kuala (Mohd Syukri et al., 2015).


Syeikh Abdul Rauf Ali al-Fansuri al-Singkili adalah seorang yang aktif dalam pelbagai kegiatan dan mempunyai peribadi yang sederhana. Beliau bukan sahaja menyumbang dalam bidang pengajaran dan penulisan, malah juga turut menyumbang dalam bidang politik dan kemasyarakatan. Antara sumbangan beliau ialah beliau telah dilantik sebagai *Qadi al-Malik al-'Adil* (Mufti) untuk mengatasi masalah yang timbul dalam pemerintahan pada masa itu. Beliau merupakan seorang yang terkenal bukan sahaja di desanya, malah juga wilayah jirannya, Padang apabila mendapat sambutan daripada masyarakat sekeliling untuk berguru dengan beliau.

Antara bentuk pengajaran yang disampaikan oleh beliau ialah ceramah, diskusi, dialog, pengajaran kitab, pengajaran bertarekat dan penulisan. Disamping itu, beliau turut mengajar dalam bidang tafsir, akidah, akhlak dan tasawuf (Mohd Syukri et al., 2015). Antara murid beliau ialah Baba Saud bin Agha Ismail; orang yang menyempurnakan karya Syeikh Abdul Rauf al-Singkili yang bertajuk *Tarjuman al-Mustafid* atau dikenali sebagai *Tafsir al-Baydawi* Melayu. Selain itu, terdapat juga beberapa orang ulama besar di Tanah Melayu seperti Syeikh Burhanuddin Ulakan, Syeikh Abdul Samad al-Palimbani, Syeikh Abdul Malik bin Abdullah, Syeikh Muhyi Pamijahan dan ramai lagi (Mohd Syukri et al., 2009). Selama beliau berkhidmat sebagai penasihat Sultan dan pembesar istana, beliau telah menyelesaikan pelbagai masalah seperti masalah pimpinan wanita serta polemik ulama yang timbul kerana perbezaan pendapat dalam ontologi ketuhanan dan penghayatan agama. Di samping itu, beliau turut mencetuskan semangat jihad dalam masyarakat untuk menghadapi ancaman penjajah Kristian Barat (Mohd Syukri et al., 2015).

Syeikh Abdul Rauf al-Singkili juga banyak menghasilkan karya dalam pelbagai disiplin ilmu terutamanya dalam bidang Fikah, Tafsir, Hadis dan Tasawuf. Beliau telah menghasilkan sebanyak 25 karya (Wan Mohd Shaghir, 1991). Manakala, menurut Mohd Syukri Yeoh (2004) pula, terdapat 47 naskhah karya Syeikh Abdul Rauf al-Singkili yang telah ditemui. Namun beliau bersetuju dengan pandangan Peunoh Daily (1988) bahawa jumlah sebenar karya yang dihasilkan oleh Syeikh Abdul Rauf al-Singkili adalah sukar untuk ditentukan (Wan Nasyrudin et al., 2014).

KITAB *TARJUMAN AL-MUSTAFID*: KARYA TAFSIR ATAU TERJEMAHAN?

Kitab *Tarjuman al-Mustafid* merupakan karya tafsir Melayu pertama yang dihasilkan di Alam Melayu. Karya ini juga merupakan karya tafsir lengkap 30 juzuk al-Quran yang dihasilkan pada abad ke-17 (Zulkifli & Wan Nasyrudin, 2005). Berdasarkan kamus *Lisan al-'Arab* (Ibn Manzur, 1990), dari segi bahasa *tarjuman* bermaksud “ترجم: التَّرْجَمَانُ وَالتَّرْجَمَانُ: المفسر للسان. وفي حديث” هو الذي يترجم الكلام أي ينقله من لغة إلى لغة أخرى. “هرقل: قال لتُرْجَمَانِهِ، التَرْجَمَانُ، بالضم والفتح: هو الذي يترجم الكلام أي ينقله من لغة إلى لغة أخرى. Manakala *al-mustafid* pula bermaksud “مستفيد (اسم): (فاعل من استفاد) مستفيد من العمل: منتفع به” (al-Ma'ani, t.th.).



GAMBAR 1. Salinan *Tarjuman al-Mustafid*

Beberapa pendapat berbeza telah dikemukakan mengenai sumber penulisan tafsir ini. Pandangan pertama mengatakan bahawa tafsir ini ditulis berdasarkan kitab *Tafsir al-Jalalayn*. Pandangan ini kemukakan oleh Riddell (2001) dan juga Salman Harun (1988) berdasarkan beberapa alasan, iaitu metode dan gaya pentafsiran yang digunakan adalah sama dengan *Tafsir al-Jalalayn*.

Pendapat yang kedua pula yang dikemukakan oleh Snouck Hurgronje, Rinke (1909) dan Voorhoeve (1986) yang mengatakan bahawa tafsir *Tarjuman al-Mustafid* adalah terjemahan daripada *Tafsir al-Baydawi* (Zulkifli & Wan Nasyrudin, 2005). Begitu juga Ismail (1995) serta Mazlan & Ahmad Kamel (2004) yang turut mempunyai pendapat yang sama. Namun menurut Afriandi (2014), pendapat tersebut dikemukakan bukan berdasarkan kajian yang teliti tetapi adalah kerana terpengaruh dengan judul yang tertulis di muka depan kitab *Tarjuman al-Mustafid* iaitu *Tarjuman al-Mustafid wa huwa al-Tarjamah al-Jawiyah li al-Tafsir al-yusamma Anwar al-Tanzil wa Asrar al-Ta'wil li al-Imam al-Qadi Nasr al-Din Abi Sa'id 'Abd Allah ibn Umar ibn Muhammad al-Syairazi al-Baydawi* (Tafsir *Tarjuman al-Mustafid* adalah terjemahan bahasa Jawa dari tafsir yang disebut *Anwar al-Tanzil wa Asrar al-Ta'wil* karya Imam al-Baydawi). Menurut Wan Nasyrudin et al. (2014) pula, *Tarjuman al-Mustafid* bukanlah terjemahan sepenuhnya *Tafsir al-Baydawi*, tetapi adalah merupakan sumber rujukan utama Syekh Abdul Rauf al-Singkili. Voorhoeve (1986) pula mengubah pendapatnya mengenai *Tarjuman al-Mustafid* beberapa tahun kemudian bahawa *Tarjuman al-Mustafid* bukan sahaja merujuk kepada *Tafsir al-Baydawi*, tetapi juga merujuk kepada berbagai karya tafsir lain (Saifuddin & Wardani, 2017).

Kajian Lepas terhadap Tarjuman al-Mustafid

Terdapat beberapa kajian lepas telah dijalankan terhadap *Tarjuman al-Mustafid*. Antara aspek yang dikaji ialah aspek pentafsiran dan kaedah terjemahan dalam manuskrip tersebut. Beberapa kajian menumpukan kepada aspek metodologi pentafsiran dalam *Tarjuman al-Mustafid* (Afriandi, 2014; Suarni, 2015; Subhan, 2011). Hasil kajian tersebut mendapati bahawa metode pentafsiran yang digunakan di dalam *Tarjuman al-Mustafid* ialah metode *tahlili* iaitu tafsiran dengan penjelasan (Afriandi, 2014; Suarni, 2015; Subhan, 2011) dan juga metode *ijmali* iaitu tafsiran secara ringkas (Suarni, 2015; Subhan, 2011).

Antara aspek-aspek lain yang dikaji terhadap *Tarjuman al-Mustafid* adalah dari aspek qiraat (Rukiah, 2015; Wan Nasyrudin et al., 2014; Afriandi, 2014) dan aspek isra'iliyyat dalam *Tarjuman al-Mustafid* (Mazlan & Ahmed Kamel, 2004; Subhan, 2011; Zulkifli & Wan Nasyrudin, 2005).

Selain itu, terdapat beberapa kajian lepas yang menumpukan aspek penterjemahan telah dikenal pasti. Antaranya ialah kajian oleh Wan Nasyrudin et al. (2014), Riddell (1984)

dan Ervan (2007). Setelah diteliti, didapati terdapat beberapa perbezaan dan persamaan antara dapatan daripada tiga kajian tersebut.

Menurut Wan Nasyrudin et al. (2014), teknik terjemahan yang digunakan di dalam *Tarjuman al-Mustafid* ialah terjemahan ayat demi ayat bukan terjemahan secara harfiah. Manakala Riddell (1984) pula mengatakan bahawa teknik terjemahan yang digunakan adalah secara harfiah ataupun secara literal. Dari segi penggunaan bahasa pula, Syeikh Abdul Rauf didapati menggunakan bahasa tempatan (Wan Nasyrudin et al., 2014) dan juga bahasa Arab (Wan Nasyrudin et al., 2014; Riddell, 1984). Pengaruh bahasa Arab juga dapat dilihat pada penggunaan struktur ayat songsang dalam terjemahan beliau (Wan Nasyrudin et al., 2014). Wan Nasyrudin et al. (2014) berpendapat bahawa istilah intertekstualiti lebih sesuai dengan *Tarjuman al-Mustafid* berbanding istilah terjemahan. Manakala Ervan (2007) menyimpulkan bahawa *Tarjuman al-Mustafid* merupakan satu karya tafsir yang melibatkan penterjemahan al-Quran dan pentafsiran.

Ervan (2007) mendatangkan hasil kajian lepas iaitu kajian oleh Johns (1988) dan juga Riddell (1984) yang mengkaji tentang *Tarjuman al-Mustafid*. Kedua-dua pengkaji tersebut mengemukakan pendapat yang berbeza terhadap *Tarjuman al-Mustafid* dari segi penterjemahan dan pentafsiran. Berdasarkan perbezaan tersebut, Ervan (2007) mengkaji sama ada karya *Tarjuman al-Mustafid* merupakan terjemahan atau tafsiran dengan mengkaji dari aspek teologi dan eskatologi. Kajian tersebut membuktikan bahawa terjemahan dan tafsiran adalah dua perkara yang berbeza. Pengkaji menyimpulkan bahawa *Tarjuman al-Mustafid* adalah satu karya tafsir yang menggabungkan pentafsiran dan penterjemahan al-Quran.

Riddell (1984) berpendapat bahawa *Tarjuman al-Mustafid* diterjemahkan secara harfiah. Syeikh Abdul Rauf al-Singkili kerap menggunakan teknik terjemahan kata demi kata dan melakukan sedikit penyesuaian untuk mematuhi corak penulisan Melayu. Hasilnya, terjemahan tersebut merupakan bahasa Arab pada struktur ayatnya dan merupakan bahasa Melayu dari segi perbendaharaan kata.

Wan Nasyrudin et al. (2014) pula mengkaji teori intertekstualiti yang diaplikasikan terhadap *Tarjuman al-Mustafid*. Dengan menggunakan teori tersebut, analisis dijalankan berdasarkan aspek yang membina karya tersebut. Antara unsur dalaman *Tarjuman al-Mustafid* yang dikaji ialah unsur tujahan pentafsiran, gaya bahasa, penggunaan istilah, teknik pentafsiran dan sebagainya. Beliau menyimpulkan bahawa teknik terjemahan yang digunakan ialah kata demi kata tetapi bukan secara harfiah. Bahasa yang digunakan pula ialah bahasa Melayu lama atau klasik. Terjemahan ayat juga dibuat menggunakan gaya bahasa Melayu klasik dan terikat dengan kaedah bahasa Arab.

Dapatan kajian lepas yang dilakukan terhadap *Tarjuman al-Mustafid* tersebut menunjukkan beberapa perbezaan walaupun kajian yang dilakukan adalah pada aspek yang sama. Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk menentukan kaedah penterjemahan oleh Syeikh Abdul Rauf al-Singkili berdasarkan kepada dapatan kajian lepas tersebut.

Kaedah Terjemahan

Dari segi bahasa, menurut kamus *Munjid* terjemahan merupakan “*ترجم الكلام: فسّره بلسان آخر، “والترجمة: التفسير*” iaitu “*terjemahan ucapan iaitu menerangkan di dalam bahasa lain dan terjemahan pula ialah pentafsiran*” (Ma'luf, 1937). Terjemahan merupakan satu proses mengalih bahasa iaitu proses memindahkan teks daripada satu bahasa kepada bahasa yang lain (Ainon & Abdullah, 2003). Penterjemahan juga bermaksud perbuatan memindahkan teks bertulis atau komunikasi lisan kepada bahasa yang lain yang melibatkan penggantian bahan tekstual bahasa sumber dengan padanan dalam bahasa sasaran (Muhammad Fauzi, 2006).

Terdapat beberapa jenis kaedah penterjemahan yang sering digunakan dalam proses penterjemahan. Antaranya ialah,

- i. Terjemahan Kata Demi Kata. Kaedah terjemahan kata demi kata memerlukan kepada pengekalan bentuk asal teks sumber dan kurang mementingkan isi atau mesej

- berbanding dengan aspek bentuk ayat (Maheram 2008). Kaedah terjemahan ini seakan-akan terjemahan harfiah. Namun, terjemahan ini bersifat lebih keterlaluan iaitu lebih terikat pada struktur bahasa sumber berbanding terjemahan harfiah (Muhammad Fauzi, 2006).
- ii. Terjemahan Harfiah. Penterjemahan ini pula dilakukan setelah melalui proses penterjemahan secara katawi iaitu teks yang diterjemahkan secara katawi akan diubah suai dengan menambah atau menggugurkan perkataan-perkataan yang perlu. Struktur teks terjemahan jenis ini juga adalah tidak menyimpang daripada teks sumber. Jenis terjemahan ini adalah hampir sama dengan terjemahan katawi (Maheram, 2008).
 - iii. Terjemahan Bebas. Terjemahan bebas ialah terjemahan yang lebih mementingkan isi atau maklumat yang ingin disampaikan berbanding dengan struktur ayat teks sumber. Aspek struktur ayat tidak diambil berat pada terjemahan ini kerana penterjemah berusaha untuk menyampaikan maklumat yang terdapat di dalam teks asal. Terjemahan ini lebih memerlukan kepada kreativiti dan pengalaman seseorang penterjemah (Maheram, 2008).
 - iv. Terjemahan Semantik. Penterjemah berusaha untuk menghasilkan terjemahan yang tepat dan sehampir mungkin dengan teks asal (Muhammad Fauzi, 2006).
 - v. Terjemahan Komunikatif. Terjemahan ini mementingkan hasil terjemahan yang dapat memberikan kesan yang sehampir mungkin kepada pembacanya seperti yang terdapat pada pembaca asal (Newmark, 1981).
 - vi. Terjemahan Tafsiran. Penterjemah menambahkan beberapa perkataan dan ungkapan untuk menerangkan kesamaran pada teks asal (Najib, t.th.).

ANALISIS KAEDAH PENTERJEMAHAN KITAB *TARJUMAN AL-MUSTAFID*

Setelah meneliti kajian-kajian lepas berkaitan kaedah penterjemahan dalam *Tarjuman al-Mustafid*, kajian ini akan menganalisis sebahagian terjemahan dalam *Tarjuman al-Mustafid* untuk menentukan kaedah penterjemahan yang digunakan. Pengkaji memilih secara rawak enam sampel ayat Al-Quran beserta terjemahannya dalam *Tarjuman al-Mustafid* cetakan yang ke-4 terbitan Pustaka Nasional, Singapura pada tahun 1951. Kemudian, terjemahan yang dipilih tersebut dibandingkan dengan teks tafsiran daripada dua buah tafsir al-Qur'an iaitu *Tafsir al-Jalalayn* (1999) dan *Tafsir al-Baydawi* (2003).

Sampel 1:

(al-Fatihah 1: 2) 
Terjemahan *Tarjuman al-Mustafid* (Abdul Rauf al-Singkili 1951):

Segala puji *thabit* bagi Allah Tuhan yang mempunyai segala makhluk.

Tafsir al-Jalalayn (Jalal al-Din & Jalal al-Din, 1999),

(الحمد) جملة خبرية قصد بها الثناء على الله بمضمونها على أنه تعالى: مالك جميع الخلق أو مستحق لأن يحمده
والله علم على المعبود بحق (رب العالمين) أي مالك جميع الخلق من الإنس والجن والملائكة والنواب وغيرهم
وكل منها يطلق عليه عالم يقال عالم الإنس وعالم الجن إلى غير ذلك وغلب في جمعه بالياء والنون أولي العلم
على غيرهم وهو من العلامة لأنه علامة على موجد.

Tafsir al-Baydawi (Abi Sa'id 'Abdullah, 2003),

(الحمد لله) الحمد: هو الثناء على الجميل الاختياري من نعمة أو غيرها، والمدح: هو الثناء على الجميل مطلقاً.
(رب العالمين) الرب في الأصل مصدر بمعنى التربية: وهي تبليغ الشيء إلى كماله شيئاً فشيئاً، ثم وصف به
للمبالغة كالصوم والعدل.

Daripada sampel 1 di atas, didapati bahawa Abdul Rauf al-Singkili tidak menterjemahkan salah satu daripada kedua-dua tafsir di atas. Beliau menterjemahkan ayat al-Quran secara langsung dan secara harfiah kecuali menambah satu perkataan, iaitu *thabit* dan menterjemahkan makna perkataan ‘العالمين’ daripada ‘seluruh alam’ kepada ‘segala makhluk’. Terjemahan ini juga menggunakan pendekatan terjemahan secara semantik.

Sampel 2:

﴿قُلْ إِنَّمَا أَمْرُهُ إِذْ يَقُولُ لِلَّذِينَ لَا حُدُودَ لَهُمُ مِنَ الْعَالَمِينَ إِنَّهُمْ عِنْدَ رَبِّي لَأَجْمَلُونَ﴾
(al-Sajdah 32: 6) ﴿قُلْ إِنَّمَا أَمْرُهُ إِذْ يَقُولُ لِلَّذِينَ لَا حُدُودَ لَهُمُ مِنَ الْعَالَمِينَ إِنَّهُمْ عِنْدَ رَبِّي لَأَجْمَلُونَ﴾

Terjemahan *Tarjuman al-Mustafid* (Abdul Rauf al-Singkili 1951),

Bermula yang menjadikan dikau lagi memerintahkan itulah Tuhan yang mengetahui barang yang *ghayb* daripada segala makhluknya dan yang hadir pada mereka itu lagi yang amat keras pada kerajaan lagi yang amat mengasihani bagi segala yang berbuat taat akan Dia.

Tafsir al-Jalalayn (Jalal al-Din & Jalal al-Din, 1999),

(ذلك الخالق المدبر (عالم الغيب والشهادة) أي ما غاب عن الخلق وما حضر (العزیز) المنیع فی ملكه (الرحیم) بأهل طاعته.

Tafsir al-Baydawi (Abi Sa'id 'Abdullah, 2003),

(ذلك عالم الغيب والشهادة) فيدير أمرهما على وفق الحكمة. (العزیز) الغالب على أمره. (الرحیم) على العباد في تدبيره، وفيه إيماء بأنه سبحانه يراعى المصالح تفضلاً وإحساناً.

Sampel 2 pula menunjukkan Abdul Rauf al-Singkili cenderung menterjemahkan tafsiran ayat berdasarkan *Tafsir al-Jalalayn*. Kaedah terjemahan harfiah digunakan ketika menterjemah tafsiran ayat di atas. Walaupun terdapat penambahan beberapa perkataan seperti ‘bermula’, ‘lagi’, ‘segala’ dan ‘akan’ pada terjemahan beliau, namun penambahan ini dilihat sebagai satu keperluan untuk menyedapkan ayat dan memenuhi gaya bahasa Melayu lama. Perkataan *ghayb* dikekalkan tanpa diterjemahkan. Namun, perkataan ‘ghaib’ ini sering digunakan di dalam penulisan bahasa Melayu.

Sampel 3:

﴿قُلْ إِنَّمَا أَمْرُهُ إِذْ يَقُولُ لِلَّذِينَ لَا حُدُودَ لَهُمُ مِنَ الْعَالَمِينَ إِنَّهُمْ عِنْدَ رَبِّي لَأَجْمَلُونَ﴾
(al-Sajdah 32: 9) ﴿قُلْ إِنَّمَا أَمْرُهُ إِذْ يَقُولُ لِلَّذِينَ لَا حُدُودَ لَهُمُ مِنَ الْعَالَمِينَ إِنَّهُمْ عِنْدَ رَبِّي لَأَجْمَلُونَ﴾

Terjemahan oleh Abdul Rauf al-Singkili,

Maka dijadikan Adam itu dijadikannya ia berpindah-pindahan kemudian daripada adalah dahulunya ia *jamadat* (dan telah dijadikannya) bagi kamu zuriatnya itu pendengar dan segala penglihat dan segala hati sedikit sekali-kali kamu syukuri.

Tafsir al-Jalalayn(Jalal al-Din & Jalal al-Din, 1999),

(ثم سواه) أي خلق آدم (ونفخ فيه من روحه) أي: جعله حيا حساسا بعد أن كان جمادا (وجعل لكم) أي: لذريته (السمع) بمعنى الأسماع (والأبصار والأفئدة) القلوب (قليلًا ما تشكرون) ما زائدة مؤكدة للقلّة.

Tafsir al-Baydawi (Abi Sa'id 'Abdullah, 2003),

(ثم سواه) قومه بتصوير أعضائه على ما ينبغي. (ونفخ فيه من روحه) إضافة إلى نفسه تشريفا له وإشعارا بأنه خلق عجيب، وأن له شأنًا له مناسبة ما إلى الحضرة الربوبية ولأجله قيل من عرف نفسه فقد عرف ربه. (وجعل لكم السمع والأبصار والأفئدة) خصوصا لتسمعوا وتبصروا وتعقلوا. (قليلًا ما تشكرون) تشكرون شكرا قليلا.

Sampel ayat 3 juga menunjukkan Abdul Rauf al Singkili menterjemah tafsiran ayat berdasarkan *Tafsir al-Jalalayn*. Walaupun terjemahan harfiah digunakan, namun tidak semua perkataan diberikan padanan. Terdapat juga perkataan yang tidak diterjemahkan kepada bahasa Melayu iaitu perkataan *jamadat*.

Sampel 4:

﴿مَنْ يَشْرِكْ بِاللَّهِ فَقَدْ ضَلَّ ضَلًّا عَظِيمًا﴾ (al-Kahfi 18: 13)

Terjemahan *Tarjuman al-Mustafid* (Abdul Rauf al-Singkili, 1951),

Kami ceriterakan atasmu khabar mereka itu dengan benar bahawasanya mereka itu segala jemaah yang telah percaya mereka itu akan Tuhan mereka itu dan telah kami tambahi akan mereka itu petunjuk.

Tafsir al-Jalalayn (Jalal al-Din & Jalal al-Din, 1999),

(نحن نقص) نقرأ (عليك نبأهم بالحق) بالصدق (إنهم فتية آمنوا بربهم وزدناهم هدى).

Tafsir al-Baydawi (Abi Sa'id 'Abdullah, 2003),

(نحن نقص عليك نبأهم بالحق) بالصدق. (إنهم فتية) شبان جمع فتى كصبي وصبية. (آمنوا بربهم وزدناهم هدى) بالثبوت.

Sampel 4 juga menunjukkan terjemahan Abdul Rauf lebih kepada terjemahan ayat al-Quran secara langsung iaitu secara harfiah dan semantik. Perkataan فتية tidak dipadankan dengan kata 'pemuda-pemuda' tetapi di terjemah sebagai 'jemaah'.

Sampel 5:

﴿يَوْمَ يَكْفُرُ كُلُّ نَفْسٍ بِمَا كَسَبَتْ إِلَّا الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ﴾ (al-Kahfi 18: 44)

Terjemahan *Tarjuman al-Mustafid* (Abdul Rauf al-Singkili, 1951),

Pada hari kiamat itu tolong yang sebenar-benarnya bagi Allah ta'ala iaitu terlebih baik daripada pahala lainnya dan adalah sebaik-baik akibat bagi segala *mu'min* itu.

Tafsir al-Jalalayn (Jalal al-Din & Jalal al-Din, 1999),

(هنالك) أي يوم القيامة (الولاية) بفتح الواو النصره وبكسرهما الملك (لله الحق) بالرفع صفة الولاية والجر صفة الجلالة (هو خير ثوابا) من ثواب غيره لو كان يثيب (وخير عقبا) بضم القاف وسكونها عاقبة للمؤمنين ونصبهما على التمييز.

Tafsir al-Baydawi (Abi Sa'id 'Abdullah, 2003),

(هنالك) في ذلك المقام وتلك الحال. (الولاية لله الحق) النصر له وحده لا يقدر عليها غيره تقديرا لقوله (ولم تكن له فئة ينصرونه) أو ينصر فيها أوليائه المؤمنين على الكفرة كما نصر فيما فعل بالكافر اخاه المؤمن ويعضده قوله: (هو خير ثوابا وخير عقبا) أو لأوليائه.

Sampel 5 dilihat lebih mirip kepada *Tafsir al-Jalalayn* dengan menggugurkan penerangan baris perkataan yang terdapat di dalam *Tafsir al-Jalalayn*. Terjemahan yang dilakukan juga sekadar menterjemahkan perkara yang berkaitan dengan ayat al-Quran tersebut secara harfiah dan semantik iaitu hampir dengan teks sumber dalam *Tafsir al-Jalalayn*. Istilah مؤمن pula tidak diterjemahkan kepada orang yang beriman, tetapi dikekalkan kepada *mu'min*.

Sampel 6:

﴿وَأَمَّا الْغُلَامُ فَكَانَ أَبَوَاهُ مُؤْمِنِينَ فَخَشِينَا أَنْ يَرَهُمَا طَغْيَانَا وَكَفْرًا﴾ فَإِنَّهُ كَمَا فِي حَدِيثِ مُسْلِمٍ طَبَعَ كَافِرًا وَلَوْ عَاشَ لَأَرَهُمَا، ذَلِكَ لِمَحَبَّتِهِمَا لَهُ يَتَّبَعَانِهِ فِي ذَلِكَ.

(al-Kahfi 18: 80)

Terjemahan *Tarjuman al-Mustafid* (Abdul Rauf al-Singkili 1951):

Dan adapun kanak-kanak yang ku bunuh itu maka adalah kedua ibu bapanya *mu'min* keduanya maka takut aku akan bahawa dimasukkannya keduanya itu kepada derhaka dan kufur sebab kasih keduanya akan dia.

Tafsir al-Jalalayn (Jalal al-Din & Jalal al-Din, 1999),

(وَأَمَّا الْغُلَامُ فَكَانَ أَبَوَاهُ مُؤْمِنِينَ فَخَشِينَا أَنْ يَرَهُمَا طَغْيَانَا وَكَفْرًا) فَإِنَّهُ كَمَا فِي حَدِيثِ مُسْلِمٍ طَبَعَ كَافِرًا وَلَوْ عَاشَ لَأَرَهُمَا، ذَلِكَ لِمَحَبَّتِهِمَا لَهُ يَتَّبَعَانِهِ فِي ذَلِكَ.

Tafsir al-Baydawi (Abi Sa'id 'Abdullah, 2003),

(وَأَمَّا الْغُلَامُ فَكَانَ أَبَوَاهُ مُؤْمِنِينَ فَخَشِينَا أَنْ يَرَهُمَا) أَنْ يَغْشِيَهَا. (طَغْيَانَا وَكَفْرًا) لِنَعْمَتِهَا بِعَقُوقَةٍ فَيَلْحَقُهُمَا شَرًّا، أَوْ يَقْرَنُ بِأَيْمَانِهَا طَغْيَانَهُ وَكَفْرَهُ يَجْتَمِعُ فِي بَيْتٍ وَاحِدٍ مُؤْمِنَانِ وَطَاغٍ كَافِرٌ، أَوْ يَعْصِيهَا بِعَلِيهِ فَيَرْتَدَا بِإِضْلَالِهِ، أَوْ بِمَمَالَأَتِهِ عَلَى طَغْيَانِهِ وَكَفْرِهِ. وَأَمَّا خَشِينَا ذَلِكَ لِأَنَّ اللَّهَ تَعَالَى أَعْمَلَهُ.

Sampel 6 juga menunjukkan terjemahan Abdul Rauf lebih mirip kepada *Tafsir al-Jalalayn* bukan kepada *Tafsir al-Baydawi*. Hal ini berdasarkan bilangan perkataan dan padanan perkataan yang diberikan, walaupun meninggalkan satu ungkapan dalam tafsiran tersebut tanpa diterjemah, iaitu ungkapan "فإنه كما في حديث مسلم طبع كافرا ولو عاش لأراهما". Ungkapan "فإنه كما في حديث مسلم طبع كافرا ولو عاش لأراهما" juga digugurkan terjemahannya. Terjemahan ini merupakan terjemahan harfiah dan bebas. Penterjemah menambahkan ayat "yang ku bunuh itu" untuk menerangkan orang yang dimaksudkan. Penterjemah juga mengekalkan istilah مؤمن tanpa diterjemahkan.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian ini meliputi dua aspek utama yang merupakan objektif kajian iaitu mengenal pasti kaedah terjemahan dalam *Tarjuman al-Mustafid* dan juga menentukan sama ada *Tarjuman al-Mustafid* adalah karya tafsiran atau terjemahan.

Kajian menunjukkan bahawa terjemahan dalam *Tarjuman al-Mustafid* (1951) bersesuaian dengan beberapa kaedah terjemahan iaitu kaedah terjemahan harfiah dan

semantik. Terjemahan harfiah dapat dilihat apabila penterjemah menambah beberapa perkataan yang perlu tanpa menyimpang daripada struktur ayat bahasa sumber. Pendekatan terjemahan ini dapat dilihat pada semua sampel yang dikaji. Kaedah terjemahan semantik pula dapat dilihat apabila terjemahan yang dihasilkan adalah hampir dengan teks sumber. Terjemahan ini juga dapat dilihat pada beberapa sampel tersebut. Selain itu, terjemahan bebas juga dapat dilihat pada sampel 6 iaitu penterjemah menggugurkan beberapa ungkapan dan meringkaskan ungkapan tersebut. Secara keseluruhannya, Syeikh Abdul Rauf al-Singkili lebih cenderung menterjemahkan ayat al-Quran dan tafsir yang dirujuk secara harfiah dan semantik dengan mengekalkan struktur ayat bahasa sumber dan juga menghasilkan terjemahan yang sehampir mungkin dengan teks sumber.

Berdasarkan kajian juga, didapati bahawa *Tarjuman al-Mustafid* (1951) dilihat lebih cenderung kepada menterjemahkan *Tafsir al-Jalalayn* (1999) berbanding dengan *Tafsir al-Baydawi* (2003). Perkara ini dapat dilihat pada sampel analisis terjemahan di atas yang lebih ringkas seperti tafsiran di dalam *Tafsir al-Jalalayn* berbanding tafsiran yang terdapat dalam *Tafsir al-Baydawi* (2003). *Tafsir al-Baydawi* (2003) memberikan tafsiran yang agak panjang berbanding terjemahan di dalam *Tarjuman al-Mustafid* (1951) yang agak ringkas. Daripada enam sampel ayat yang dipilih, empat sampel lebih mirip kepada terjemahan *Tafsir al-Jalalayn* (1999), iaitu sampel dua, tiga, lima dan enam. Manakala sampel satu dan empat merupakan terjemahan harfiah langsung kepada ayat al-Quran. Oleh itu, kajian ini mendapati *Tarjuman al-Mustafid* (1951) lebih cenderung menterjemahkan tafsiran al-Quran dalam *Tafsir al-Jalalayn* (1999).

Walaupun kitab *Tarjuman al-Mustafid* (1951) ini menterjemah tafsiran beberapa ayat al-Quran berdasarkan *Tafsir al-Jalalayn* (1999), namun bukan keseluruhan terjemahan dilakukan berdasarkan kitab tersebut. Terdapat juga tafsiran yang tidak berdasarkan *Tafsir al-Jalalayn* (1999) mahupun *Tafsir al-Baydawi* (2003). Maka benarlah kenyataan Wan Nasyrudin et al. (2014) bahawa terdapat kitab-kitab tafsir lain yang dijadikan rujukan selain *Tafsir al-Jalalayn* (1999) dan *Tafsir al-Baydawi* (2003). Kajian ini turut menyokong kenyataan yang dibuat Ervan (2007) bahawa *Tarjuman al-Mustafid* (1951) merupakan satu karya tafsir hasil daripada kombinasi penterjemahan dan pentafsiran.

KESIMPULAN

Syeikh Abdul Rauf al-Singkili merupakan salah seorang ulama Nusantara yang pernah tinggal dan menuntut ilmu di dunia Arab seperti Mekah, Madinah dan Mesir selama 19 tahun. Tempoh masa yang panjang di dunia Arab tersebut sudah tentu mempengaruhi beliau terutamanya dalam menghasilkan karya-karya beliau. Beliau bukan sahaja aktif di dalam kegiatan dakwah malah juga aktif dalam pelbagai bidang lain seperti politik, kemasyarakatan dan juga bidang penulisan. Beliau telah menghasilkan banyak karya-karya dalam pelbagai disiplin ilmu yang digunakan sebagai rujukan oleh umat Islam di alam Melayu sehingga kini. *Tarjuman al-Mustafid* bukan merupakan karya terjemahan secara sepenuhnya berdasarkan *Tafsir al-Jalalayn* mahupun *Tafsir al-Baydawi*, tetapi merupakan karya kombinasi tafsir dan terjemahan. Terjemahan yang dilakukan pula didapati bersesuaian dengan beberapa kaedah penterjemahan iaitu lebih cenderung kepada terjemahan harfiah dan semantik.

PENGHARGAAN

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan dana Geran Universiti Penyelidikan (kod projek: GUP-2015-016). Jutaan terima kasih kepada UKM kerana memberi dana bagi menjalankan kajian ini.

RUJUKAN

- al-Quran al-Karim.
- Abdul Rauf Ali al-Fansuri al-Jawi al-Singkili. (1951). *Tarjuman al-Mustafid*. Ulang cetak. Singapura: Pustaka Nasional.
- Abdul Rauf Ali al-Fansuri al-Singkili. (t.th.). °Umdat al-muhtajin ila suluk maslak al-mufridin. No. 09/NKI/YPAH/92. Perpustakaan Ali Hasyimi, Banda Aceh.
- Abi Sa'id 'Abdullah, Nasir al-Din. (2003). *Tafsir al-Baydawi al-Musamma Anwar al-Tanzil wa Asrar al-Ta'wil*. Lubnan: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Afriandi Putra. (2014). Khazanah Tafsir Melayu (Studi Kitab Tafsir Tarjuman al-Mustafid Karya Abd Rauf al-Singkili). *Jurnal Syhadah*. 2(2), 69-86.
- Ainon Mohd & Abdullah Hassan. (2003). *Teori & Teknik Terjemahan*. Pahang: PTS Publications & Distribution Sdn. Bhd.
- Daily, Peunoh. (1988). *Hukum Perkahwinan Islam: Suatu Studi Negara Islam*. Jakarta: Bulan & Bintang.
- Ibn Manzur, Abi al-Fadl Jamal al-Din Muhammad ibn Mukarram. (1990). *Lisan al-'Arab*. Bayrut: Dar Sadir.
- Ismail Yusoff. 1995. Perkembangan Pengajian dan Penulisan Tafsir di Malaysia. Tesis Dr. Fal Tidak Diterbitkan, Universiti Malaya.
- Jalal al-Din, Muhammad ibn Ahmad & Jalal al-Din, 'Abd al-Rahman ibn Abi Bakr al-Suyuti. (1999). *Tafsir al-Jalalayn*. al-Qahirah: Dar al-Tawzi' wa al-Nashr al-Islamiyyah.
- Johns, A.H. (1988). Quranic Exegesis in the Malay World: in Search of a Profile. Dlm. A. Rippin (Pnyt.). *Approaches to the History of the Interpretation of the Quran*. Oxford: Clarendon Press.
- al-Ma'ani. (t.th.). Akses pada 30 September 2016 dari www.almaany.com/ar/dict/ar-ar/المستفيد/?category=مالية.
- Ma'luf, Louis. (1937). *al-Munjid*. Bayrut: al-Matba'ah al-Kathulikiyyah.
- Maheram Ahmad. (2008). Permasalahan Penterjemahan Arab – Melayu: Satu Analisis Teks Sastera. Tesis Dr. Fal. Tidak Diterbitkan, Universiti Malaya.
- Mazlan Ibrahim & Ahmed Kamel Mohamad. (2004). Israiliyyat dalam Kitab Tafsir Anwar Baidhawi. *Islamiyyat*. 26(2), 23-37.
- Mohd Syukri Yeoh Abdullah, Mohammad Fadzeli Jaafar, Wan Nasyrudin Wan Abdullah & Salmah Ahmad. (2015). *'Umdat al-Muhtajin: Panduan Perjalanan Rohani Masyarakat Alam Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Syukri Yeoh Abdullah, Salmah Ahmad & Mohammad Fadzeli Jaafar. (2009). *Panduan Individu Menuju ke Jalan Allah: Mesej 'Umdat al-Muhtajin ila Suluk Maslak al-Mufradin*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Syukri Yeoh Abdullah. (2004). *Riwayat Hidup Shaykh Abdul Rauf Ali al-Fansuri al-Singkili dan Pemikirannya dalam Kifayat al-Muhtajin*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad Fauzi Jumingan. (2006). *Glosari Pengajian Ilmu Penterjemahan dan Interpretasi*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad.
- Najib, 'Izz al-Din Muhammad. (t.th.). *Usus al-Tarjamah min al-Injiliziah ila al-'Arabiah wa bi al-'aks*: Terj. al-Qahirah: Jami' al-Fath.
- Newmark, Peter. (1981). *Approaches to Translation*. New York: Pergamon Press.
- Nurtawab, Ervan. (2007). Discourse on Translation in Hermeneutics: Its Application to the Analysis of Abdurra'uf's Turjuman al-Mustafid. Tesis Sarjana Tidak Diterbitkan, Universiti Islam Negeri Syarif Hidayatullah, Jakarta.
- Riddell, P.G. (1984). 'Abd al-Ra'uf al-Singkili's Tarjuman al-Mustafid: A critical study of His Treatment of Juz' 16. Tesis Dr. Fal. Tidak Diterbitkan, Australian National University.
- Riddell, P.G. (2001). *Islam and The Malay-Indonesian World: Transmission and Responses*. London: Hurst & Company.
- Rinkes, D.A. (1909). *Abdoerroef van Singkel: Bijdrage tot de Kennis van de Mystiek op Sumatra en Java*. Heerenven: Hepkema.

- Rukiah. (2015). Pentafsiran Surah Yasin Abdul Rauf al-Singkili: Kajian atas Kitab Tarjuman al-Mustafid. Tesis Sarjana Tidak Diterbitkan, Universiti Islam Negeri Sunan Kalijaga.
- Saifuddin & Wardani. (2017). *Tafsir Nusantara: Analisis Isu-Isu Gender dalam al-Misbah Karya M. Quraish Shihab dan Tarjuman al-Mustafid karya 'Abd al-Ra'uf Singkel*. Yogyakarta: LkiS.
- Salman Harun. (1988). Hakekat Tafsir *Tarjuman al-Mustafid* karya Syekh Abdurrauf Singkel. Tesis Dr. Fal. Tidak Diterbitkan, IAIN Syarif Hidayatullah, Jakarta.
- Suarni. (2015). Karakteristik Tafsir Tarjuman al-Mustafid. *Substantia*. 17(2), 159-166.
- Subhan. (2011). Metode dan Corak Pentafsiran Abdul Rauf al-Singkili. Tesis Sarjana Tidak Diterbitkan, Universiti Islam Negeri Sultan Syarif Kasim Riau.
- Voorhoeve, P. (1986). Abd al-Ra'uf ibn 'Ali al-Djawi al-Fansuri al-Singkili. DIm. H.A.R. Gibb et al. (pnyt.). *The Encyclopaedia of Islam*, (hlm. 88). Vol. 1. Leiden: E.J. Brill.
- Wan Mohd Shaghir Abdullah. (1991). *Khazanah Karya Pusaka Asia Tenggara*. Kuala Lumpur: Khazanah Fataniyah.
- Wan Nasyrudin Wan Abdullah, Mohd Syukri Yeoh Abdullah & Achyar Zein. (2014). *Intertekstualiti dalam Tarjuman al-Mustafid*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wirianto, Dicky. (2013). Merentas Konsep Tasawuf Syaikh Abdurrauf Al-Singkili. *Islamic Movement Journal*. 1(1), 103-116.
- Zulkifli Mohd Yusoff & Wan Nasyrudin Wan Abdullah. (2005). Tarjuman al-Mustafid: Satu Analisa terhadap Karya Terjemahan. *Jurnal Pengajian Melayu*. 16, 155-173.